

# Video berkualiti rendah sukarkan cam wajah

**KUALA LUMPUR 20 Julai** - Proses pengecaman wajah yang negatif ke atas video intim membabitkan bekas Ketua Angkatan Muda Keadilan Santubong, Haziq Abdullah Abdul Aziz dengan individu didakwa sebagai seorang menteri kanan berkemungkinan ekoran video yang dianalisis tidak berkualiti tinggi serta beresolusi rendah.

Berkongsi pandangan, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr. Alfian Abdul Halin berkata, kerja-kerja pengecaman akan menjadi sukar sekiranya kualiti imej yang dianalisis berada dalam keadaan tidak bagus.

“Jika pihak polis menggunakan sistem pengecaman wajah, input imej itu kualitinya mesti sampai pada satu tahap yang baik, supaya perisian yang digunakan boleh melakukan pengecaman dengan lebih tepat.

“Kalau tidak, susah juga kalau pengecaman wajah (meng-

gunakan algoritma standard) untuk mengecam, kalau kualitinya cantik, sebaik-baiknya memerlukan imej wajah hadapan untuk betul-betul berkesan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ketua Polis Negara Datuk Seri Abdul Hamid Bador baru-baru ini berkata, proses pengecaman wajah ke atas video intim itu yang dibuat oleh CyberSecurity Malaysia adalah negatif, walaupun kebarangkalian ketulenan video seks terbabit adalah tinggi.

Namun begitu, jelas Alfian, ketika ini sudah terdapat teknologi kecerdasan buatan (AI) yang boleh mengecam imej-imej walaupun bukan wajah menghadap hadapan.

“Ini lebih-lebih lagi selepas ramai sudah mula menggunakan *deep learning* yang mana rangkaian neuron buatan boleh dilatih berdasarkan data-data yang amat banyak supaya efisien untuk mengecam muka,” katanya.



**DR. ALFIAN  
ABDUL HALIN**